

PENDEKATAN SPIRITUAL BAGI MENGATASI MASALAH PERGAULAN BEBAS DALAM KALANGAN REMAJA

ABSTRAK

Dewasa kini, masalah sosial terutamanya dalam pergaulan bebas seringkali diuar-uarkan melalui media massa baik media cetak mahupun media elektronik. Situasi dan keadaan ini mewujudkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat. Masalah ini banyak berlaku dalam kalangan remaja. Pengkaji menjalankan kajian ini berdasarkan kepada tiga objektif iaitu mengenal pasti punca berlakunya masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja, mengenal pasti kesan masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja serta menilai keberkesanan pendekatan spiritual dalam mengatasi masalah pergaulan bebas di Pusat Pemulihan Akhlak. Ketiga-tiga objektif tersebut memainkan peranan yang penting bagi menjawab persoalan kajian secara efektif. Hasil dapatan dalam kajian ini menunjukkan punca berlakunya masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja disebabkan tiga punca iaitu diri sendiri, punca penceraian ibu bapa dan pengaruh rakan sebaya. Selain itu juga, dapatan kajian turut memerihalkan kesan yang timbul disebabkan berlakunya masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja iaitu kesan terhadap diri sendiri dan kesan terhadap keluarga. Dalam masa yang sama juga, pendekatan spiritual turut diberikan oleh Pusat Pemulihan Akhlak kepada peserta kajian bagi membantu mengatasi masalah tersebut.